

# DI SEKELILING PERJUANGAN MUSLILIN INDONESIA

## Kisah Pancasila dan Piagam Jakarta

Dalam perjuangan untuk mendirikan negara Islam, umat Islam Indonesia, bukan sahaja telah menerima pertentangan yang hebat dari golongan-golongan Komunis, Hindu, Kristian dan lain-lain yang bukan Islam, tetapi juga dari golongan nasionalis atau kaum kebangsaan (yang mengecualikan atau menyingkirkan agama daripada menjadi dasar negara). Bahkan salah seorang dari golongan yang akhir ini (Tuan Nur Sutan Iskandar) dengan berterus-terang mengatakan: Dasar Islam berbahaya kepada negara Indonesia. Dan seorang lagi (Dr. Soeripto) telah menuduh bahawa golongan Islam telah mencabuli Piagam Jakarta.

Bagi menjawabnya Prof. Abdul Kahar Muzakkar (Masyumi) telah menangkis tuduhan itu sambil berkata: “Golongan kebangsaanlah yang pertama-tama telah mengkhianati Piagam Jakarta.”

Prof. Abdul Kahar Muzakkar dari Masyumi dalam pandangan umumnya di hadapan Majlis Konstituante baharu-baharu ini telah membalas dengan tepatnya tuduhan-tuduhan yang dikemukakan oleh Prof. Dr. Soeripto dari “Parti Nasionalis Indonesia” yang menyatakan, bahawa pihak golongan Islam yang memperjuangkan Islam sebagai dasar negara dalam Konstituante sekarang ini, telah mengadakan pembatalan sepihak terhadap “Piagam Jakarta”.

Sebagai salah seorang penganjur yang menandatangani “Piagam Jakarta”, Prof. Abdul Kahar Muzakkar dalam pidatonya yang panjang lebar itu, akhirnya sampai kepada suatu kesimpulan bahawa golongan kebangsaanlah yang pertama-tama telah mengkhianati Piagam Jakarta itu.

### **Pancasila Sudah Dirosakkan oleh Golongan Kebangsaan.**

Sebagai seorang yang tahu benar akan sejarah zahirnya “Piagam Jakarta” dan “Pancasila”, maka Prof.

Abdul Kahar Muzakkar dalam pidatonya itu antara lain, berkata:

Meninjau sejarah, Pancasila tidak dapat dipisahkan dengan berbagai peristiwa yang terjadi pada tahun 1943 dan 1945. Perkembangan yang pasti dapatlah dikatakan pada pertengahan tahun 1944 iaitu ketika pemerintah pendudukan Jepun memberikan janji kemerdekaan kepada bangsa Indonesia, hingga pada permulaan tahun 1945 mahu tidak mahu terpaksa pemimpin-pemimpin Indonesia berkumpul untuk mempersiapkan Rancangan Undang-undang Dasar tahun 1954. Dibentuklah sebuah panitia yang terdiri dari 60 orang dan diberi nama: Panitia Penyelidik Kemerdekaan Indonesia, yang diketuai oleh Ir. Sukarno. Dari jumlah 60 anggota itu hanya 25 peratus dari golongan Islam.

Ketika panitia ini memperbincangkan bentuk negara, maka 53 anggota menghendaki bentuk republik dan yang

7 anggota lagi berkehendakkan negara beraja. Tentang dasar negara maka 45 anggota menghendaki dasar kebangsaan (mengecualikan agama – P) sedang 15 anggota menghendakkan dasar Islam. Waktu itu hanya terdapat dua golongan sahaja, iaitu “golongan kebangsaan” dan “golongan Islam nasionalis”. Pada saat itu belum ada golongan Komunis, atau kalaupun ada tidak berani muncul berterang-terang kerana ancaman dari Jepun, manakala Pancasila belum ada disebut-sebut.

Panitia yang tersebut telah bersidang pada 22 Jun 1945 bertempat di Gedung Hokokai (sekarang Kementerian Kewangan), dihadiri oleh 38 anggota, dan telah diperbincangkan dasar negara. Tetapi persidangan tersebut tidak dapat mencapai hasil, sehingga kemudiannya dibentuk sebuah panitia 9 orang yang pada malam harinya melanjutkan mesyuaratnya di rumah Bung Karno (gedung Proklamasi).

Pada saat itulah diterima dengan sebulat suara akan kata-kata “Dengan kewajiban menjalankan syariat Islam bagi pemeluk-pemeluknya”, sebagaimana yang terdapat dalam Piagam Jakarta. Mr. Maramis sebagai wakil dari golongan Kristian turut pula memberi persetujuannya. Inilah asal mula terjadinya “Pancasila” sebagai dasar negara Republik Indonesia.

Demikian juga waktu itu telah didapati persetujuan bahawa dalam undang-undang dasar mengenai pendidikan dan pengajaran mestilah berpokok pada agama dan kebudayaan.

Akan tetapi apakah yang terjadi kemudian? Pancasila dalam bentuknya yang sekarang sudah dirosakkan oleh golongan kebangsaan, kerana kata-kata “Kewajiban menjalankan syariat Islam bagi pemeluk-pemeluknya” dan berbagai ketentuan lainnya yang pada mulanya didukung oleh golongan kebangsaan, ternyata diubah lagi oleh golongan kebangsaan itu sendiri.

Dengan adanya persaksian sejarah ini, dapatlah kita sekarang mengambil kesimpulan siapakah yang sebenarnya untuk pertama kalinya telah mengkhianati Piagam Jakarta itu, adakah golongan Islam sebagaimana yang dituduhkan oleh Prof. Soeripto, ataukah oleh golongan kebangsaan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh persaksian sejarah itu.

Demikian kata Prof. Abdul Kahar Muzakkar.

\*

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas; Prof. Abdul Kahar Muzakkar ialah salah seorang di antara penganjur-penganjur Indonesia yang telah menandatangani Piagam Jakarta itu. Oleh itu di bawah ini diturunkan isi piagam yang bersejarah itu dan siapa-siapa yang menandatangani. Patut juga disebut, Piagam Jakarta ini, setelah menerima sedikit perubahan, telah dijadikan mukaddimah bagi Undang-undang Dasar Sementara Republik Indonesia 1945.

Isi piagam itu ialah seperti berikut:

“Bahawa sesungguhnya kemerdekaan itu ialah hak segala bangsa dan oleh sebab itu maka penjajahan di atas dunia harus dihapuskan, kerana tidak sesuai dengan perikemanusiaan dan peri keadilan.

Dan perjuangan kemerdekaan Indonesia telah sampailah kepada saat yang berbahagia dengan selamat sentosa mengantarkan rakyat Indonesia ke depan pintu gerbang negara Indonesia yang merdeka, bersatu, berdaulat, adil dan makmur.

Atas berkat rahmat Allah yang Maha Kuasa dan dengan didorongkan oleh keinginan luhur; supaya berkehidupan kebangsaan yang bebas, maka rakyat Indonesia dengan ini: menyatakan kemerdekaannya.

Kemudian daripada itu, untuk membentuk suatu pemerintahan negara Indonesia, yang melindungi segala bangsa Indonesia dan seluruh tumpah darah Indonesia dan untuk: memajukan kesejahteraan umum, mencerdaskan kehidupan bangsa dan ikut melaksanakan ketertiban dunia yang berdasarkan kemerdekaan, perdamaian abadi dan keadilan sosial.

Maka disusun kemerdekaan kebangsaan dalam susunan negara Republik Indonesia yang berkedaulatan rakyat dengan berdasar kepada:

**Ketuhanan, dengan kewajiban menjalankan syariat Islam bagi pemeluknya,** menurut dasar kemanusiaan yang adil dan beradab, persatuan Indonesia, dan kerakyatan yang dipimpin oleh hikmah kebijaksanaan dalam permesyuatan perwakilan, serta dengan mewujudkan suatu keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia”.

Jakarta, 22 Jun 1945.

Yang menandatangani “Piagam Jakarta” ini ialah:

*Ir* Sukarno, Abikusno Cokro Soyoso,

Abdul Kahar Muzakkar, Kiyai Haji Abdul Wahid Hasyim,

Mr. A.A. Maramis, Haji Agus Salim dan

Mr. Muhammad Yamin.

(Dua di antaranya telah meninggal dunia, iaitu Almarhum

Haji Agus Salim dan Almarhum Kiyai Haji

Abdul Wahid Hasyim).

## **Kepada Anggota**

# **Ikhwan**

Pemimpin Ikhwan dari satu ke satu masa berharap mendapat kerjasama dari anggota-anggota Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara-saudara yang di luar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Prof. Abdul Kahar Muzakkar telah kami siarkan.

Yang kedua risalah “Kesedaran” telah kami siarkan dan telah mendapat perhatian.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Arsyad Thalib Lubis sudah kami usahakan.

Bagi satu-satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota-anggota Ikhwan tetapi kami meminta tiap-tiap seorang menghantarkan setem 10 sen untuk belanja mengirimnya – lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak berbelanja selain daripada setem.

Pintalah kepada:

**IKHWAN**

**356 & 358, Geylang Rd.,**

**Singapore-14.**